

ISSPeC 2023: 021

Penilaian Pelaksanaan Kursus Elektif Teras Linguistik Terapan untuk Siswa Guru Bukan Opsyen di Institut Pendidikan Guru (IPG)

AMAT TAROP SUMO
IPG Kampus Ilmu Khas

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan kursus elektif teras Linguistik Terapan di IPG bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Kajian ini menilai keberkesanan kursus Linguistik Terapan kepada siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu (BM) yang mengambil elektif teras BM sebagai subjek minor. Permasalahan kajian berfokuskan hasil pembelajaran dan isi kandungan, sumber fizikal, sumber manusia, dan pedagogi kursus Linguistik Terapan. Teori yang mendasari kajian ini ialah Teori Model Pelaksanaan Kurikulum manakala Model Penilaian Stufflebeam 1971, iaitu Context-Input-Process-Product (CIPP) telah digunakan dalam kajian ini. Penilaian kursus ini terhadap siswa guru dilihat dalam dimensi konteks, input, proses dan produk. Kaedah kuantitatif dengan menggunakan tinjauan soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan data daripada siswa guru. Data kuantitatif diperolehi melalui soal selidik daripada 119 orang siswa guru selepas kajian rintis dijalankan. Analisis data menggunakan perisian IBM SPSS versi 26.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penilaian kursus elektif teras Linguistik Terapan memberikan impak yang positif dalam aspek konteks, input, proses, dan produk terhadap siswa guru. Melalui kajian ini juga didapati bahawa kursus Linguistik Terapan amat wajar diambil oleh siswa guru sebagai subjek elektif kerana dapat memberikan nilai tambah dari segi pengetahuan dan kemahiran tatabahasa. Elemen penting dalam kajian ini memperoleh min yang tinggi, iaitu hasil pembelajaran dan isi kandungan ($min=4.63$, $sp=0.42$), sumber fizikal ($min=4.50$, $sp=0.44$), sumber manusia ($min=4.57$, $sp=0.50$), dan pedagogi ($min=4.52$, $sp=0.49$). Min yang tinggi didapati memberikan impak yang sangat baik kepada siswa guru yang mengambil kursus ini. Rumusan daripada kajian ini ialah kursus elektif teras Linguistik Terapan haruslah sentiasa dinilai dari semasa ke semasa supaya sentiasa relevan dengan perkembangan semasa bagi melahirkan siswa guru yang berdaya saing dan kompeten.

Kata kunci: elektif teras, impak, kursus, relevan, siswa guru

PENDAHULUAN

Kualiti sesuatu kursus dapat dikenal pasti melalui penilaian yang dijalankan. Kursus yang berkualiti dapat menentukan sistem pendidikan itu bermutu tinggi dan dapat mengenal pasti kelemahan sesuatu kursus pendidikan. Mohd Huzaimi Abdul Manap et al. (2020), menjelaskan bahawa sesuatu program pendidikan bermutu tinggi dapat dinilai berdasarkan kekuatan dan kelemahan kursus yang ditawarkan. Kursus yang berkesan dapat memberikan nilai yang bermakna terhadap perkembangan program pendidikan agar matlamat yang ingin dicapai dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan membuahkan hasil. Hal ini selari dengan pandangan Rohana et al. (2019) yang mengatakan kursus pendidikan merupakan komponen penting untuk memastikan keberkesanan kursus akademik yang dilaksanakan dan perlu menjadikan falsafah pendidikan sebagai teras kepada perencanaannya.

Pelaksanaan kursus juga merupakan satu proses untuk mengesahkan dan memberikan nilai pada sesuatu kursus supaya dapat dijalankan dengan berkesan. Hal ini selari dengan pandangan Nor Asimah (2019) yang mengatakan bahawa kursus pendidikan yang berkesan dapat memberikan panduan kepada pemegang taruh untuk mengatasi dan memperbaiki kekurangan yang wujud dalam sesuatu kursus. Mohd Aizat Abu Hassan et al. (2018) berpendapat kursus yang baik dapat memberikan nilai tambah kepada individu yang mengikuti kursus tersebut.

Kursus yang dirancang oleh sesebuah institusi perlulah dilaksanakan secara sistematik agar kursus tersebut dapat memberikan impak yang besar kepada individu yang terlibat. Sehubungan dengan itu, Rossi et al. (2018) mengatakan bahawa kursus yang dijalankan bertujuan untuk memberikan jawapan kepada persoalan tentang matlamat kursus pendidikan

dan faedah kursus tersebut. Dalam hal ini, Vasugi Shamugam et al. (2021), menjelaskan bahawa untuk melaksanakan sesuatu kursus aspek yang perlu diberikan penekanan ialah proses pelaksanaan kursus supaya memberikan impak positif kepada mereka yang mengikutinya. Oleh itu, sesuatu kursus harus diperhalusi kesesuaiannya dengan kehendak semasa agar terus relevan (Olive, 2005, Ornstein et al., 2009, Nor Asimah Zakaria, 2019 & Mazni Muhammad, 2022).

Kajian ini berbeza dengan kajian penilaian yang lain kerana kajian ini memberikan penekanan terhadap impak kursus Linguistik Terapan terhadap siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Kajian seumpama ini kurang diketengahkan oleh mana-mana pengkaji.

PENILAIAN KURSUS

Penilaian sesuatu kursus dinilai berasaskan proses pelaksanaannya dari segi struktur dan kandungan kursus yang dikelolakan oleh institusi pendidikan supaya objektif pendidikan dapat dicapai. Pelaksanaan kursus pendidikan yang baik dapat membangunkan dan meningkatkan potensi serta kualiti guru. Keberkesanan pelaksanaan kursus ditentukan oleh faktor pelaksanaan yang sistematik dan berterusan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tugas guru (Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman, 2008, Ornstein dan Hunkins, 2013 & Abdul Ghafar Don et al., 2015).

Kandungan kursus yang diorganisasikan dan diasimilasikan dengan baik dapat melancarkan proses pelaksanaan kursus. Kemampuan siswa guru memahami kehendak kandungan kursus sangat dituntut supaya pelaksanaan kursus memberikan impak positif kepada siswa guru. Menurut Ayu Rahmini Hia et al. (2022), kandungan kursus yang terperinci membantu guru yang mengikuti kursus perguruan memperoleh maklumat berkenaan kursus dengan tepat dan boleh dipercayai. Seterusnya, kejayaan guru menterjemahkan kandungan kursus dalam situasi sebenar, iaitu semasa PdP berlangsung di dalam bilik darjah menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus memberikan impak yang positif. Kajian Muhammad Fawiz dan Zulkifli (2018) mendapati bahawa kursus latihan yang berkualiti adalah bersifat dinamik kerana dapat mengubah corak pengajaran guru.

Penilaian kursus amat penting demi memastikan kursus yang dibangunkan berupaya mencapai matlamat pendidikan dan terjamin dari segi kualitinya mengikut perubahan sistem pendidikan. Melalui penilaian, maklumat tentang pengetahuan, pemahaman, kemampuan, dan sikap individu berkaitan dengan kursus dapat diperoleh (Syed Kamaruzaman Syed Ali et al., 2018). Dalam kajian ini, penilaian yang ditekankan adalah dalam aspek kesesuaian kursus mengikut peredaran masa dan zaman. Hal ini dikatakan demikian kerana zaman sentiasa berubah. Oleh itu, kursus juga harus berubah agar segala matlamat yang disasarkan dapat dicapai.

Dalam kajian ini, penilaian kursus elektif teras Linguistik Terapan akan dikaitkan dengan hasil pembelajaran dan isi kandungan, sumber fizikal, sumber manusia dan pedagogi. Dalam hal ini, Azizi Jaafar (2019) menyatakan bahawa ciri-ciri kursus yang berkualiti ialah kursus tersebut dapat berfungsi dalam jangka masa yang panjang, memiliki koheren, bersifat dinamik dan sentiasa relevan untuk beradaptasi dengan perubahan pendidikan demi menghasilkan guru yang berdaya saing dan berupaya menyesuaikan diri dengan apa-apa juga keadaan.

KURIKULUM LINGUISTIK TERAPAN BAHASA MELAYU

Kod kursus ini ialah BMMB3023 yang mempunyai tiga jam nilai kredit dan mula dipelajari oleh siswa guru pada semester satu pengajian. Kursus ini menghuraikan konsep Linguistik Terapan dan sifat bahasa, bidang morfologi bahasa Melayu yang terdiri daripada bentuk kata, proses pembentukan kata dan golongan kata, bidang sintaksis bahasa Melayu yang terdiri daripada frasa, klausa dan ayat. Hasil pembelajaran bagi kursus ini ialah menjelaskan bentuk dan proses pembentukan kata dan golongan kata, menghuraikan fungsi frasa dan klausa, menghubungkan kait konsep Transformasi Generatif dan menganalisis pelbagai ayat tunggal dan ayat majmuk. Strategi pengajaran dan pembelajaran ialah kuliah dan tutorial (perbincangan dan pembentangan kumpulan) manakala kaedah pentaksiran kursus ini ialah 60% kerja kursus dan 40% peperiksaan akhir.

PENYATAAN MASALAH

Kursus elektif teras Bahasa Melayu, khususnya kursus Linguistik Terapan Bahasa Melayu perlu dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memastikan hasil pembelajaran dan isi kandungan kursus selari dengan siswa guru bukan opsyen yang mengambil kursus tersebut. Siswa guru didapati kurang jelas tentang hasil pembelajaran dan isi kandungan kursus kerana mereka bukan opsyen Bahasa Melayu dan kursus ini baharu bagi mereka. Dalam hal ini, Zedda, Bernardelli dan Maran (2017) menyatakan bahawa untuk memastikan siswa guru jelas dengan isi kandungan kursus dan memperoleh

kepuasan dalam pembelajaran, hasil pembelajaran perlulah dinilai. Namun begitu, sejak kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu diperkenalkan pada tahun 2015 kurang kajian tentang impak hasil pembelajaran dan isi kandungan terhadap siswa guru dijalankan. Penyataan ini disokong oleh Muhamad Hafizan dan Anuar (2017) yang menyatakan bahawa pengetahuan isi kandungan merupakan suatu pengetahuan yang unik dan penting bagi seseorang yang bergelar guru. Oleh itu, adalah wajar kajian ini dijalankan kerana hasil pembelajaran dan isi kandungan merupakan konteks penting dalam pelaksanaan kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu di IPG.

Sumber fizikal seperti sumber pengajaran merupakan input penting untuk memastikan pelaksanaan kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu berjalan dengan lancar dan mengikut perubahan semasa. Namun, masalah sumber fizikal yang kurang mencukupi boleh menjejaskan pelaksanaan kursus ini. Merujuk kajian Alizah Lambri dan Zamri Mahamod (2019), dalam konteks pembelajaran berpusatkan pelajar, selain kaedah pengajaran, sumber pengajaran dan pembelajaran juga merupakan aspek yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Untuk menilai pelaksanaan kursus Linguistik Terapan Bahasa Melayu dalam proses pembelajaran pula sumber manusia menjadi medium yang penting untuk menyampaikan maklumat dan ilmu kepada siswa guru. Kekurangan sumber manusia, iaitu pensyarah untuk mengajarkan kursus Linguistik Terapan Bahasa Melayu kepada siswa guru boleh menjejaskan kualiti siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Keupayaan sumber manusia harus dinilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya produk yang akan dihasilkan adalah selari dengan matlamat kursus yang dibangunkan.

Siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu yang kurang pengetahuan tentang pedagogi Bahasa Melayu boleh menjejaskan pembelajaran mereka. Hal ini disebabkan oleh mereka lebih terdedah dengan pedagogi subjek opsyen. Merujuk pendapat Azizi Jaafar (2019), penilaian kursus dari segi pedagogi akan menentukan sama ada kursus itu mencapai tahap keperluan seperti yang dikehendaki dalam kursus tersebut atau sebaliknya. Oleh hal yang demikian aspek pedagogi dalam kajian ini perlu dinilai untuk melihat implikasi kursus Linguistik Terapan Bahasa Melayu kepada siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, kajian ini amat berbeza dengan kajian-kajian penilaian kursus yang lain kerana kajian ini memfokuskan kursus elektif teras Bahasa Melayu iaitu Linguistik Terapan Bahasa Melayu. Keunikan kajian ini terletak pada fokus utama kajian, iaitu siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti impak hasil pembelajaran dan isi kandungan kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu dari segi konteks.
2. menganalisis impak sumber fizikal kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu dari segi input.
3. menilai impak sumber manusia kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen dari segi proses.
4. menilai impak pedagogi kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen dari segi produk

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah impak hasil pembelajaran dan isi kandungan kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu dari segi konteks?
2. Apakah impak sumber fizikal kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu dari segi input?
3. Apakah impak sumber manusia kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen dari segi proses?
4. Apakah impak pedagogi kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen dari segi produk?

KAJIAN LITERATUR

Fetus dan Kurumeh (2015) mengatakan bahawa pelaksanaan penilaian kurikulum adalah merangkumi jumlah aktiviti dan pengalaman pembelajaran yang dialami oleh pelajar dengan bimbingan sekolah. Akinoglu (2017) mengaitkan penilaian pelaksanaan kursus dengan elemen asas dalam sistem pendidikan yang merangkumi standard yang diharapkan untuk dicapai oleh seseorang pelajar. Kedua-dua pernyataan ini adalah selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Nor Hayati dan Bani Hidayat (2017). Kajian tersebut telah menjelaskan bahawa penilaian pelaksanaan kursus merupakan satu mekanisme yang dilaksanakan untuk pelbagai tujuan dan mengisi pelbagai keperluan. Hasil kajian telah berjaya mengetengahkan beberapa fungsi penilaian kursus dan mengemukakan beberapa model dalam penilaian kursus. Dalam hal ini, Barnes dan Olsan (1985) berpendapat pelaksanaan kursus adalah lebih penting berbanding kursus yang didokumentasikan.

Reformasi dalam dunia pendidikan akan berlaku dengan adanya penilaian pelaksanaan kurikulum selari dan bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan negara. Begitu juga dengan perkembangan kurikulum di Malaysia yang bermula dengan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) dan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM). Kemudian diganti dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah dan hari ini KPM telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Sehubungan dengan itu, kursus di IPG turut mengalami perubahan yang ketara sejak mula ditubuhkan hingga sekarang. Siti Julaeha (2019) menyatakan bahawa penilaian boleh dilihat dari perspektif setiap komponen pembentukannya iaitu penilaian matlamat dan objektif, penilaian kandungan dan pengalaman pembelajaran, penilaian penyusunan dan reka bentuk, dan penilaian. Menurut Briggs et al. (2012), usaha untuk meningkatkan kualiti kurikulum mesti dilakukan supaya kejayaan pembelajaran dapat dicapai.

Dedek, Badrun dan Samsul (2018) telah menjalankan kajian membangunkan instrumen untuk menilai kursus tempatan yang telah dibangunkan oleh pihak kerajaan Indonesia. Kajian tersebut menilai pelaksanaan kursus tempatan dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kursus tempatan yang dibangunkan oleh kerajaan sesuai digunakan mengikut keunikan tempatan atau wilayah. Kajian ini selari dengan pandangan Abdulrasyid Hassan et al. (2020), yang menyatakan bahawa kajian susulan sering digunakan dalam bidang pendidikan terutama sekali bagi tujuan menilai keberkesanan pelaksanaan sesuatu kursus. Kajian perlu dibuat bagi menyelidiki kesesuaian kursus sama ada menepati kehendak masyarakat dan negara. Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2017) pula berpendapat pelaksanaan penilaian kursus merupakan proses lanjutan daripada pengukuran yang lengkap. Penilaian akan melibatkan integrasi maklumat daripada pelbagai sumber termasuk ujian dan pentaksiran yang lain.

TEORI DAN MODEL

Kajian ini berlandaskan Teori Model Pelaksanaan Kurikulum yang diperkenalkan oleh Saylor et al. (1981). Teori ini menekankan pelaksanaan kurikulum pada peringkat asas, iaitu bermula dengan objektif kurikulum, reka bentuk kurikulum, pelaksanaan kurikulum, dan penilaian kurikulum. Teori ini amat selari dengan Model CIPP yang menjadi asas utama pembentukan kerangka konseptual kajian-ini. Model CIPP dipelopori oleh Daniel L. Stufflebeam yang mula dibentuk pada tahun 1971. Tujuan model ini adalah untuk memenuhi kehendak penilaian yang berorientasikan objektif. Konsep penilaian yang dikemukakan oleh Stufflebeam ialah penilaian seharusnya menjadi sains pengumpulan maklumat untuk membuat keputusan. Penilai bertanggungjawab mengumpul data, merancang, menganalisis dan menyediakan maklumat untuk memilih tindakan alternatif dan membuat laporan. Model CIPP Stufflebeam ini mengalami beberapa siri kemas kini iaitu pada tahun 1985 dikemas kini oleh Stufflebeam dan Shinkfield. Seterusnya, dikemas kini Stufflebeam pada tahun 2003 dan sekali lagi dikemaskinikan oleh Stufflebeam dan Shinkfield pada tahun 2007. Model ini berasaskan empat dimensi penilaian, iaitu penitatan konteks, penialan input, penilaian proses dan penilaian produk. Merurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007) model CIPP merupakan satu model yang komprehensif untuk melaksanakan penilaian terhadap sesuatu kursus supaya dapat membuat keputusan yang sewajarnya terhadap pelaksanaan sesuatu kursus pendidikan.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian dibina berdasarkan model CIPP Stufflebeam 1971. Model CIPP dipelopori oleh Daniel L. Stufflebeam yang mula dibentuk pada tahun 1971. Tujuan model ini adalah untuk memenuhi kehendak penilaian yang berorientasikan objektif. Menurut Stufflebeam (1971) model penilaian CIPP diambil daripada akronim CIPP iaitu penilaian context (konteks), penilaian input (input), penilaian process (proses) dan penilaian product (produk). Penilaian konteks bermaksud menyediakan objektif iaitu apa yang hendak dilakukan dan apa konteksnya. Seterusnya, penilaian input pula memberikan maklumat berkaitan dengan kekuatan dan kelemahan dalam aspek pembinaan strategi-strategi alternatif yang

akan dipilih dan distrukturkan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sementara itu, penilaian proses akan membekalkan maklumat untuk memantau strategi atau prosedur yang dijalankan agar kekuatan dan kelemahan program latihan dapat dikurangkan. Dalam pada itu, penilaian produk memberikan tumpuan kepada hasil daripada usaha yang telah dilakukan.

Sehubungan dengan itu, Model CIPP dijadikan rujukan asas dalam pembinaan kerangka konseptual kajian ini. Dalam kajian ini, dimensi konteks merujuk kepada hasil pembelajaran dan isi kandungan. Dimensi input pula merujuk kepada sumber fizikal manakala dimensi proses akan menganalisis sumber manusia. Akhir sekali dimensi produk akan memfokuskan pedagogi yang perlu diketahui siswa guru bukan opsyen bagi melihat impaknya. Empat-empat dimensi ini memainkan peranan yang penting dalam kajian ini. Pembinaan kerangka konseptual kajian ini dapat menggambarkan secara keseluruhan hala tuju kajian ini. Rajah 1 di bawah ialah kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian yang diubah suai berdasarkan Teori Model Pelaksanaan Kurikulum Saylor et al. 1981 dan Model CIPP Stufflebeam 1971

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan secara deduktif. Menurut Neuman (2014) kaedah ini dimulakan dengan pembinaan hipotesis, kemudian memungut data dan diakhiri dengan menganalisis data secara kritikal. Manakala jenis tinjauan yang digunakan ialah tinjauan hirisan rentas (cross-sectional survey) iaitu memungut data sekali sahaja terhadap satu sampel pada satu masa (Creswell, 2014). Kaedah ini membantu pengkaji untuk memperoleh dapatan yang jelas. Menurut Jackson (2003), kaedah tinjauan merupakan satu cara menyoal responden tentang suatu topik dan maklum balas yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif.

Kajian tinjauan membolehkan pengkaji memungut data yang diperlukan dengan cepat dalam masa yang singkat. McMillan (2008) menyatakan bahawa kelebihan penggunaan kajian tinjauan ialah soalan berkaitan tajuk yang hendak dikaji boleh ditanya kepada ramai responden, mudah diuruskan oleh penyelidik, dan amat sesuai apabila kajian melibatkan banyak pemboleh ubah untuk dianalisis secara statistik. Menurut Mazidah (2020), kaedah tinjauan skop kajiannya lebih luas dan menyeluruh. Hal ini amat membantu penyelidik menjelaskan lagi dapatan data kuantitatif dengan lebih terperinci.

Data dianalisis untuk menghasilkan analisis deskriptif seperti min dan sisihan piawai. Populasi dan sampel merupakan dua elemen yang saling berkait dan sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Pendapat ini disokong oleh Lim (2007) yang menyatakan bahawa persampelan ialah proses memilih suatu subset (kumpulan) kes daripada suatu kelas kes iaitu populasi. Menurut Othman (2017) memilih latar, populasi, dan sampel bergantung pada objektif dan persoalan kajian. Dalam kajian penilaian kursus ini bergantung pada jenis kursus yang hendak dibuat penilaian iaitu kursus elektif

teras Bahasa Melayu- Linguistik Terapan dalam kalangan siswa guru bukan opsyen.

POPULASI DAN SAMPEL

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan persampelan tujuan (purposive sampling) dalam memilih sampel. Menurut Noraini (2013), persampelan tujuan melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidikan. Beliau turut menyatakan bahawa penyelidik boleh menggunakan pengetahuan mereka tentang populasi untuk mengenal pasti sama ada sesuatu sampel itu mewakili populasi atau tidak. Sehubungan dengan itu, sampel kajian ini adalah dipilih dalam kalangan siswa guru bukan opsyen ambilan Jun 2018 dan ambilan Jun 2019.

Pemilihan sampel ini juga adalah atas rasional siswa guru ini mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu menuntut di IPG dan mengambil kursus Linguistik Terapan. Menurut Creswell (2014), populasi yang terdiri daripada kumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama amat sesuai untuk dijadikan sampel. Oleh itu, pengkaji yakin dan percaya bahawa responden dapat membekalkan maklumat dan input yang berguna untuk menjawab persoalan kajian. Pendapat ini adalah selari dengan kajian yang pernah dilakukan Syed Khalid (2018).

Hanya empat IPGK yang terlibat dalam kajian ini daripada 27 IPGK yang ada di Malaysia kerana empat IPGK ini sahaja yang menawarkan kursus elektif teras Bahasa Melayu kepada siswa guru bukan opsyen. IPGK tersebut ialah IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, IPG Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek, Negeri Sembilan, IPG Kampus Pulau Pinang, dan IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Kuching, Sarawak.

Populasi siswa guru bukan opsyen yang mengambil kursus Bahasa Melayu Linguistik Terapan sebagai elektif teras adalah sebanyak 149 orang siswa guru. Responen yang terlibat dalam kajian ini ialah 119 orang siswa guru. Penentuan sampel juga dilakukan dengan merujuk jadual penentuan sampel Krejcie dan Morgan 1970 iaitu populasi 150 saiz sampel ialah 108 orang. Oleh itu, saiz sampel 119 orang ini sangat mencukupi untuk kajian ini.

INSTRUMEN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Soal selidik merupakan salah satu cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada sampel yang ramai. Fungsi soal selidik mengikut Ghazali Darusalam et al. (2017) adalah untuk memudahkan pengkaji memungut data terhadap responden yang ada di merata tempat dan masa responden yang terhad untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Field (2009) mengatakan bahawa instrumen soal selidik mestilah mempunyai kesahan dan mudah untuk difahami oleh responden.

Soal selidik dalam kajian ini berfokus pada dimensi produk iaitu hasil pembelajaran dan isi kandungan lima item, dimensi input iaitu sumber fizikal lapan item, dimensi proses iaitu sumber manusia 6 item, dan dimensi produk iaitu pedagogi enam item. Seterusnya, proses kesahan dan kebolehpercayaan soalan soal selidik telah dijalankan. Soal selidik telah disemak dan dibuat penambahbaikan setelah mendapat pengesahan daripada tiga orang pakar dalam bidang pendidikan. Soal selidik juga telah menjalani kajian rintis terhadap 30 orang siswa guru bukan opsyen untuk memastikan soalan yang dikemukakan berkualiti dan bermakna. Menurut Azizi Yahaya et al. (2017) kesahan ialah keupayaan penyelidik untuk menghasilkan dan membina instrumen yang mampu mengukur data yang sepatutnya diukur supaya hasil kajian menjadi sesuatu yang bermakna.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan deskriptif pada bahagian ini akan menjawab persoalan kajian 1 hingga 4. Dapatan dilaporkan dengan membentangkan nilai min siswa guru bukan opsyen secara deskriptif. Bagi mengetahui tahap nilai min setiap pemboleh ubah yang dikaji, penyelidik mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min dalam tiga tahap seperti yang dipamerkan dalam Jadual 1 di bawah ini:

Jadual 1: Skala Interpretasi Min

| Min | Interpretasi |
|-------------|--------------|
| 1.00 - 2.33 | Rendah |
| 2.34 - 3.67 | Sederhana |
| 3.68 - 5.00 | Tinggi |

Sumber: Mohd Majid Konting (2000)

Persoalan Kajian 1

Apakah impak hasil pembelajaran dan isi kandungan kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu dari segi konteks?

Jadual 2: Impak Hasil Pembelajaran dan Isi Kandungan Kursus Elektif Teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap Siswa Guru Bukan Opsyen

| Dimensi | Item | Min | SP |
|---------|--|------|------|
| Konteks | Meningkatkan kualiti diri saya sebagai siswa guru | 4.72 | 0.47 |
| | Meningkatkan pengetahuan saya | 4.68 | 0.49 |
| | Meningkatkan keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis. | 4.66 | 0.54 |
| | Mengetahui objektif pembelajaran | 4.64 | 0.58 |
| | Memperoleh ilmu baharu berkenaan isi kandungan | 4.61 | 0.51 |
| | Jumlah keseluruhan | 4.63 | 0.42 |

Berdasarkan Jadual 2, hasil dapatan menunjukkan bahawa item yang paling tinggi ialah meningkatkan kualiti diri saya sebagai siswa guru dengan min 4.72 (S.P = 0.47). Seterusnya, min meningkatkan pengetahuan saya ialah 4.68 (S.P = 0.49). Selanjutnya meningkatkan keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis memperoleh min 4.66 (S.P = 0.54). Diikuti dengan min mengetahui objektif pembelajaran ialah 4.64 (S.P = 0.58). Sementara itu, min memperoleh ilmu baharu berkenaan isi kandungan adalah sebanyak 4.61 (S.P = 0.51). Situasi ini menunjukkan bahawa impak hasil pembelajaran dan isi kandungan terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi konteks adalah tinggi. Hal ini selari dengan kajian Muhamad Hafizan et al. (2017) yang menyatakan bahawa pengetahuan isi kandungan merupakan suatu pengetahuan yang penting bagi seseorang yang bergelar guru. Dapatan menunjukkan bahawa siswa guru bukan opsyen memperoleh impak yang positif dari segi pengetahuan hasil pembelajaran dan isi kandungan. Hal ini secara tidak langsung akan membantu siswa guru bukan opsyen menjadi lebih mahir dalam bidang yang dipelajari, khususnya ilmu tatabahasa dan kemahiran bahasa yang lain..

Persoalan Kajian 2

Apakah impak sumber fizikal kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu dari segi input?

Jadual 3: Impak Sumber Fizikal Kursus Elektif Teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu Terhadap Siswa Guru Bukan Opsyen

| Dimensi | Item | Min | SP |
|---------|--|------|------|
| Input | Peralatan pembelajaran seperti komputer riba membantu meningkatkan kualiti pembelajaran saya | 4.72 | 0.49 |
| | Bahan pembelajaran seperti nota tambahan daripada pensyarah membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman saya | 4.70 | 0.51 |
| | Bahan pembelajaran seperti video memberi pelbagai input yang berguna kepada saya | 4.63 | 0.55 |
| | Bilik kuliah yang kondusif membantu saya memperoleh input pembelajaran dengan jelas | 4.55 | 0.61 |
| | Pusat sumber yang kondusif memberi nilai tambah kepada pembelajaran saya. | 4.54 | 0.59 |
| | Buku rujukan yang terkini melancarkan | 4.47 | 0.56 |

| | | |
|--|------|------|
| pembelajaran saya | | |
| Buku rujukan yang pelbagai dapat meningkatkan pengetahuan saya berkenaan isi kandungan setiap kursus | 4.45 | 0.61 |
| Pusat sumber menyediakan bahan rujukan yang mencukupi kepada saya | 4.25 | 0.77 |
| Jumlah keseluruhan | 4.50 | 0.44 |

Merujuk Jadual 3, hasil dapatan mendapati bahawa peralatan pembelajaran seperti komputer riba memperoleh min paling tinggi iaitu 4.72 (S.P = 0.49). Selain itu, bahan pembelajaran seperti nota tambahan daripada pensyarah membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman saya dengan min 4.70 (S.P = 0.51). Seterusnya, bahan pembelajaran seperti video memberi pelbagai input yang berguna kepada saya dengan min 4.63 (S.P = 0.56). Diikuti pula dengan bilik kuliah yang kondusif membantu saya memperoleh input pembelajaran dengan jelas iaitu min 4.55 (S.P = 0.61). Selanjutnya, pusat sumber yang kondusif memberi nilai tambah kepada pembelajaran saya dengan min 4.54 (S.P = 0.59). Di samping itu, buku rujukan yang terkini melancarkan pembelajaran saya memperoleh min 4.47 (S.P = 0.56). Sementara itu, buku rujukan yang pelbagai dapat meningkatkan pengetahuan saya berkenaan isi kandungan setiap kursus dengan min 4.45 (S.P = 0.61). Akhir sekali, pusat sumber menyediakan bahan rujukan yang mencukupi kepada saya memperoleh min 4.25 (S.P = 0.77). Keadaan ini menunjukkan bahawa kesan sumber fizikal terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi input adalah tinggi dan sememangnya memberikan impak yang positif kepada siswa guru bukan opsyen. Perkara ini disokong dalam kajian Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2021), yang menjelaskan bahawa pengurusan prasarana yang baik dapat menyumbang ke arah pembelajaran dan aktiviti kokurikulum yang berkesan. Muhammad Hasbi Abdul Rahman et al. (2022) turut menyokong perkara ini dengan menyatakan bahawa kemudahan prasarana daripada aspek persekitaran akademik, persekitaran pembelajaran, ruang pembelajaran khas, dan persekitaran luaran menjadi kayu ukur kepada keberhasilan pelajar semasa menjalani sesi PdP, sekali gus membantu mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam pembangunan pendidikan.

Persoalan Kajian 3

Apakah impak sumber manusia kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen dari segi proses?

Jadual 4: Impak Sumber Manusia Kursus Elektif Teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu Terhadap Siswa Guru Bukan Opsyen

| Dimensi | Item | Min | SP |
|---------|--|------|------|
| Proses | Menghasilkan kerja kursus yang berkualiti | 4.61 | 0.60 |
| | Meningkatkan motivasi untuk belajar dengan lebih gigih | 4.61 | 0.61 |
| | Meningkatkan pengetahuan berkenaan isi kandungan | 4.59 | 0.53 |
| | Memperoleh maklumat berkenaan peperiksaan dengan lebih jelas | 4.57 | 0.63 |
| | Memperoleh maklumat berkenaan RMK | 4.53 | 0.58 |
| | Meningkatkan fokus terhadap pembelajaran | 4.51 | 0.58 |
| | Jumlah keseluruhan | 4.57 | 0.50 |

Jadual 4 menunjukkan bahawa nilai min menghasilkan kerja kursus yang berkualiti ialah 4.61 (S.P = 0.60) manakala meningkatkan motivasi untuk belajar dengan gigih juga mempunyai nilai min yang sama iaitu 4.61 (S.P = 0.61). Seterusnya, meningkatkan pengetahuan berkenaan isi kandungan nilai min ialah 4.59 (S.P = 0.53). Diikuti dengan memperoleh maklumat berkenaan peperiksaan dengan jelas nilai min ialah 4.57 (S.P = 0.63). Min bagi item memperoleh maklumat berkenaan RMK dan meningkatkan fokus terhadap pembelajaran pula masing-masing ialah 4.53 (S.P = 0.58) dan 4.51 (S.P = 0.58). Keadaan ini menunjukkan bahawa kesan sumber manusia terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi proses adalah tinggi dan sememangnya sangat penting. Dapatan ini juga sangat selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ong Sze, Zamri, dan Mohd Izham (2017) yang menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab guru untuk menyediakan rangka kerja pengajaran (perancangan mengajar) dalam satu waktu yang telah diperuntukkan sebelum sesi PdP bermula. Manakala, dari sudut pelaksanaan pengajaran, guru perlu memahami dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajaran

dan pembelajaran (PdPc) sesuai dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). Oleh itu, pensyarah perlu mempelbagaikan usaha untuk menarik minat pelajar agar pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar dan menyeronokkan.

Persoalan Kajian 4

Apakah impak pedagogi kursus elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu terhadap siswa guru bukan opsyen dari segi produk?

Jadual 5: Impak Pedagogi Kursus Elektif Teras Linguistik Terapan Terhadap Siswa Guru Bukan Opsyen

| Dimensi Item | Min | SP |
|--|------|------|
| Proses | | |
| Menjadikan hasil pembelajaran yang ditetapkan lebih jelas dalam setiap kursus | 4.52 | 0.62 |
| Membantu siswa guru mempelbagaikan kaedah pengajaran | 4.52 | 0.64 |
| Memudahkan siswa guru mengaplikasikan kaedah pengajaran Bahasa Melayu | 4.52 | 0.62 |
| Memperoleh maklumat tentang pedagogi kursus elektif teras Bahasa Melayu | 4.49 | 0.64 |
| Memberikan motivasi kepada siswa guru untuk mendalami kursus elektif teras Bahasa Melayu | 4.47 | 0.59 |
| Memberikan maklumat kepada saya tentang kesesuaian pedagogi | 4.37 | 0.67 |
| Jumlah keseluruhan | 4.52 | 0.49 |

Berdasarkan Jadual 5, hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai min menjadikan hasil pembelajaran yang ditetapkan lebih jelas dalam setiap kursus ialah 4.52 (S.P = 0.62) manakala nilai min membantu siswa guru mempelbagaikan kaedah pengajaran ialah 4.52 (S.P = 0.64). Seterusnya, memudahkan siswa guru mengaplikasikan kaedah pengajaran Bahasa Melayu nilai min ialah 4.52 (S.P = 0.62). Item ini diikuti dengan memperoleh maklumat tentang pedagogi kursus elektif teras Bahasa Melayu nilai min ialah 4.49 (S.P = 0.64). Min memberikan motivasi kepada siswa guru untuk mendalami kursus elektif teras Bahasa Melayu dan memberikan maklumat kepada saya tentang kesesuaian pedagogi pula masing-masing ialah 4.47 (S.P = 0.59) dan 4.37 (S.P = 0.67). Menurut Cathrine Masingan dan Sabariah Sharif (2019), pengetahuan pedagogi yang berkesan dapat membantu guru mengoptimumkan pelbagai kaedah pengajaran yang seterusnya dapat mengaplikasikan kaedah pengajaran Bahasa Melayu dengan baiknya. Lejah Kiamsin dan Rosy Talin (2018) mendapati bahawa pengetahuan pedagogi sangat penting untuk membantu guru memahami hasil pembelajaran kursus dengan jelas dan meningkatkan motivasi guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Tuntasnya, kurikulum elektif teras Linguistik Terapan Bahasa Melayu dalam kalangan siswa guru bukan opsyen memberi kesan yang positif kepada mereka. Kesan positif ini dapat dilihat dalam dimensi konteks, input, proses dan produk. Dimensi konteks aspek hasil pembelajaran dan isi kandungan kursus memberikan kesan yang positif kepada siswa guru bukan opsyen yang mengambil kursus ini. Selain itu, kesan positif yang seterusnya adalah dari segi input dari sumber fizikal. Di samping itu, dimensi proses menunjukkan bahawa sumber manusia turut memberikan kesan yang positif. Akhir sekali, berdasarkan dimensi produk pedagogi juga menunjukkan kesan yang positif terhadap siswa guru bukan opsyen.

Rumusan yang dapat dibuat ialah kursus elektif Linguistik Terapan Bahasa Melayu harus dikekalkan dalam kursus elektif teras Bahasa Melayu kerana banyak memberikan kesan yang positif. Namun begitu, kursus ini haruslah dibuat semakan dari semasa ke semasa supaya sentiasa relevan. Kursus ini juga mampu untuk melahirkan siswa guru bukan opsyen yang kompeten dan berdaya saing sekali gus dapat melahirkan guru yang berkualiti dan berupaya mengajarkan Bahasa Melayu dengan baiknya, khususnya tatabahasa. Melalui kajian ini juga didapati bahawa kursus Linguistik Terapan amat wajar diambil oleh siswa guru bukan opsyen Bahasa Melayu kerana dapat memberikan nilai tambah dari segi pengetahuan pelbagai pedagogi baharu yang kurang ditekankan dalam subjek major.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Dona, Ab. Halim Tamurib, Supyan Hussin, Mohd Aderi Che Noh, Ahmad Irdha Mokhtara & Zulkefli Ain. (2015). Penilaian Terhadap Keberkesanan Perlaksanaan Kursus dan Latihan yang Ditawarkan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Sains Humanika* 6:1 (2015), 1–8
- Abdulrasyid Hassan, Muhammad Azhar Zailaini & Ghazali Darussalam. (2020). Pelaksanaan Kurikulum Dipelajari dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sebuah Kolej Pengajian Islam Selatan Thailand. *Jurnal Isu Dalam Pendidikan*, 43, 1-11.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2008). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Quantum Books.
- Akinoğlu, O. (2017). Pre-Service Teachers' Metaphorical Perceptions Regarding the Concept of Curriculum. *International Journal of Instruction*, 10(2), 263-278.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamood. (2019). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ayu Rahmini Hia, Dika Triatmaja, Riza Fauzi & Siti Nur Aisah Solin. (2022). Implementasi Evaluasi Program Pendidikan di Madrasah Tsanawiyah Swasta Sukaramai. *Jurnal Pendidikan Tambusai, Volume 6, Nomor 2*, halaman 12175-12180
- Azizi Jaafar. (2019). *Asas Pembangunan Kurikulum dalam Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Azizi Yahya, Peter Voo, Ismail Maakip & Mohd Dahlan A. Malek. (2017). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Barnes, H. L. and Olson, D.H.- (1985). Parent-Adolescent Communication and the Circumplex. *Model Child Development* .56. 438-437
- Briggs, A.R.J., Coleman, M., & Morrison, M. (2012). Introduction, In Briggs, A.R.J., Coleman, M., & Morrison, M. (Eds.), *Research methods in educational leadership and management* (pp, 1-12). London, England: Sage
- Bulhayat. (2019). *Evaluasi Model CIPP Pada Implementasi KTSP Pendidikan Agama Islam. di Sekolah Menengah Atas Jombang*. *Jurnal al-Adabiya*. Vol 14 Nomer 01 Tahun 2019 / 85.
- Cathrine Masingan & Sabariah Sharif. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Bukan Pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 4, Issue 6, (page 64 - 71).
- Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications.
- Dedek Andrian, Badrun Kartowagiran & Samsul Hadi. (2018). *The Instrument Development to Evaluate Local Curriculum in Indonesia*. *International Journal of Instruction*, Oktober 2018. Vol.11. No.4 p-ISSN: 1694-609x pp. 921-934.
- Field, A. (2009). *Discovering Statistics Using SPSS*. 3rd Edition. Sage Publications.
- Fetus, A.B. & Kurumeh, M.S. (2015). "Effects of Emotional Intelligence Skills Acquisition on Students Achievement in Senior Secondary School Geometry in Keffi Education Zone, Nasarawa State, Nigera." *Asian Journal of Education and e-Learning*, 03 (04), 243-253. (Online). Tersedia:www.ajouronline.com
- Ghazali Darusalam, Othman Talib & Normah Idris. (2017). Penilaian Program Pendidikan Sains Sosial. Universiti Putra Malaysia
- Lezah @ Lejah Kiamsin & Rosy Talin. (2018). Kaedah Pengajaran Sejarah yang Diminati Pelajar dan Justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2),137 -145
- Lim C. H. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. McGraw- Hill (Malaysia).
- Jackson, S. L. (2003). *Research Methos and Statistics*. Wardswort/Thomson Learning Inc
- McMillan, J.H. (2008). *Educational Research: Fundamentals for the Consumer*. Allyin and Bacon.
- Mazidah Ali. (2020). *Tahap Kesediaan Guru Sekolah Aliran Perdana Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Murid Bercirikan Disleksia*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*. Oktober 2020.
- Mazni Muhammad, Roslee Talip & Muhammad Suhaimi Taat. (2021). Pengaruh Kualiti Perkhidmatan Terhadap Kepuasan Pelajar Kolej Swasta di Negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 66, Issue 666,196-200.
- Mohamad Kamil Ariff Khalid & Normala Ismail. (2018). *Keberkesanan Pengajaran Pensyarah Ekonomi*. *GADING (Online) Journal for Social Sciences*. Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang. Vol 22 (Special Issue September) KONAKA 2018.
- Mohd Aizat Abu Hassan, Mohd Faizal Rabani, Mohamad Ekhwan Mohamad Shukor, & Mohd Mastifino Abdul Majid. (2018). Sikap Guru terhadap Perubahan dalam Sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, 8(1), 188–196.
- Mohd Huzaimi Abdul Manap, Zolkepli Haron & Norasmah Othman. (2020). Penilaian Pelaksanaan Program Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal Pendidikan Malaysia 45 (1) Isu Khas*, 9-16.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Fawiz Bakri & Zulkifli Osman. (2018). *Pembinaan Semula Kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris:Penilaian dari Aspek Peruntukan Masa Pembelajaran*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL) 2018, Vol. 8, No.2, 27-37.
- Muhamad Hafizan & Mohd Suhairi Anuar Ahmad. (2017). Pengaruh Pengetahuan Isi Kandungan terhadap Aplikasi Pengajaran yang Berkesan dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah. *International Conference on Global Education V "Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity"*. Universitas Ekasakti, Padang, 10 – 11 April 2017. 2457-2474.
- Muhammad Hasbi Abdul Rahman, Mazdi Marzuki, Abdul Halim Ali, Abdul Nasir Abd Latiff & Saifulazry Mokhtar (2022). *Pelaksanaan Kegiatan Ko-Kurikulum Dan Kemudahan Fasiliti Di Sekolah Rendah Islam Darul Iman (Sridi) Dalam Mencapai Kecemerlangan Pendidikan Sekolah Negeri Terengganu*. International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC). Volume 7 Issue 45, 18-34.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Mengintergrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berdasarkan Model Dick and Carey di Negeri Perak. International Academic Research Journal of Social Science 3(2),1-9.
- Muhd Zuhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd. Isha Awang. (2019). *Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (Tmua) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia*. Practitioner Research Vol. 1, July, 2019, 289-316.
- Neuman, W. L. (2014). *Understanding Research*. London. Pearson Education Limited.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Mc Graw Hill.
- Nor Asimah Zakaria. (2019). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Mata Pelajaran Sains Rumah.Tangga Menggunakan Model Stake Countenance: Satu Kajian Literatur*. Journal Of Vocational Education Studies (Joves) Volume 2, Number 1, 2019, Pp. 37-46.
- Nor Hayati Fatmi Talib et al. (2021). *Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Fizikal di Politeknik Nilai*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 (SPeK21).
- Nor Hayati Fatmi Talib & Bani Hidayat Mohd Shafie. (2017). Model-model Penilaian dalam Pendidikan. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial. Bil. 8. Jilid 1*, 76-90.
- Olive, P. E. (2005). *Developing the Curriculum*. 6th edition. Allyn & Bacon
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod, dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Gemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 7, Bil 1: 93-108.
- Ornstein, A. & Hunkins, F. (2009). *Curriculum: foundations, principles, and issues*. Pearson Educations.
- Ornstein, A. & Hunkins, F. (2013). *Curriculum: Foundations, principles, and issues* (6th ed.). Allyn and Bacon.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode* Selangor. Nur Niaga Sdn. Bhd.
- Rohana Hamzah, Zulfadly Othman, Hasnah Hussiin, Zuraina Ali & Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah. (2019). *Pembangunan Model Penilaian Kurikulum Berteraskan Nilai Universal bagi Program Pendidikan Berasaskan Teknologi & Kejuruteraan: Satu Kerangka Konseptual*. International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC) Issue 7, Vol 2, 55-68.
- Rossi, P. H., Lipsey, M. W., & Henry, G. T. (2018). *Evaluation: A Systematic Approach (8th ed.)*. Thousand Oaks, California: SAGE Publications, Inc.
- Saylor, J. G., Alexander, W. M., & Lewis A. J. (1981). *Curriculum planning for better teaching and learning*. New York: Holt, Rinehart, & Winston.
- Siti Julaeha. (2019). *Problematika Kurikulum dan Pembelajaran Pendidikan Karakter*. Jurnal Penelitian Pendidikan Islam. Vol. 7, No. 2, 157-182 <https://doi.org/10.36667/jppi.v7i2.367>
- Stufflebeam, D.L. (1971). *Education Evaluation and Decision Making*. F.E. Peacock Publisher Inc.
- Stufflebeam, D. L., Herold & Beulah, M. K. (2003). *The CIPP Model for Evaluation*. Annual. Conference of Oregon Program Evaluators Network (OPEN).
- Stufflebeam, D. L., & Shinkfield, A. J. (2007). *Evaluation theory, models and applications*. Jossey-Bass.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Faizul Mat Som & Norkhalid Salimin. (2018). Pelaksanaan penilaian dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling. Volume 3, No. 13*, 10-17.
- Syed Khalid Syed Idrus @Sd Iskandar. (2018). *Penilaian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (Pismp) Matematik di Institut Pendidikan Guru Malaysia Zon Utara*. Disertasi Tesis Ijazah Doktor Falsafah tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia
- Vasugi Shamugam, Ruslin Amir & Ishak Rahman. (2021). Tahap Kepuasan Kerja Guru di Malaysia Kajian Meta-Analisis. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3, No. 3, 342-350.
- Zedda, M., Bernardelli, S., & Maran, D.A. (2017). Students' Satisfaction with the Group Work Method and its Performance Evaluation: A survey in an Italian University. *International Journal of Instruction*, 10(3), 1-14.



Zetty Nurzuliana Rashed, Mardhiah Yahaya, Mohd Faez Ilias, Mohd Fakhri Sungit & Ainul Hayat Abdul Rahman (2021).
Pengurusan infrastruktur sekolah: Kajian kes di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai. 8 (3), 75-90.